



**JABATAN UKUR BANGUNAN  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**'PRIMA BOARD'**

**HALIZA BINTI AB.KARIM**

**DIPLOMA UKUR BANGUNAN**

**JUN 2003 – OKTOBER 2003**

## ABSTRAK

Laporan latihan amali yang telah saya sediakan ini adalah terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian A adalah mengenai profail syarikat tempat saya menjalani latihan amali dan bahagian B adalah mengenai laporan yang telah saya sediakan iaitu ‘prima board’.

Bagi bahagian B, ia terbahagi kepada enam seksyen. Seksyen pertama adalah mengenai pengenalan kepada projek yang menggunakan bahan ‘prima board’, manakala seksyen dua mengenai pengenalan kepada bahan ‘prima board’. Seksyen tiga pula terbahagi kepada lima tajuk kecil iaitu menerangkan mengenai bahan – bahan ciptaan Hume Cemboard Industri Sdn. Bhd. iaitu bahan – bahan ‘prima board’ yang terdiri daripada ‘primaplank’, ‘primaliner’, ‘prima flex’, ‘prima raya’, dan cemboard.

Bahagian I dan II, saya menerangkan mengenai produk ‘primaplank’ dan ‘primaliner’. Ia terdiri daripada pengenalan kepada ‘primaplank’ dan ‘primaliner’, fungsinya yang mana setiap fungsinya itu telah diterangkan mengenai cara pemasangan dan penyambungannya. Penerangan juga adalah merangkumi jisim dan saiz ‘primaplank’ dan ‘primaliner’ mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta kebaikan kedua-dua bahan tersebut.

Bahagian III dan IV adalah mengenai ‘primaflex’ dan ‘primaliner’. Ia juga merangkumi aspek-aspek seperti di atas dan sedikit penambahan mengenai kemasan , cara pemotongan dan penyimpanan kedua-dua bahan tersebut.

Bahagian V adalah mengenai bahan ‘cemboard’. Di dalam bahagian V ini, ia banyak menerangkan fungsinya yang mana fungsinya terbahagi kepada empat bahagian iaitu sebagai bumbung, lantai, dinding dan acuan yang kekal. Di dalam fungsinya juga ada menerangkan mengenai pemasangannya. Ia juga menerangkan cara pengendalian dan penyimpanan ‘cemboard’ serta kebaikannya.

Seksyen empat adalah perbandingan di antara bahan ‘prima board’ dengan kayu dan seksyen lima adalah mengenai komen dan cadangan mengenai latihan amali dan laporan yang saya sediakan ini. Akhir sekali adalah seksyen enam mengenai rumusan latihan amali dan laporan yang saya sediakan.



## PENGHARGAAN

Alhamdulilah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyiapkan laporan akhir latihan amali bagi subjek BSV 290 dengan sempurna.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah Jabatan Ukur Bangunan terutama sekali En.Mahayudin B. Mahmood selaku penyelia saya, di atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan.

Tidak ketinggalan ucapan berbanyak- banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada syarikat tempat saya menjalani latihan amali iaitu Anjung Ria Construction (M) Sdn. Bhd. serta kakitangan syarikat di atas segala bantuan, tunjuk ajar, pemberian maklumat dan segala jasa yang telah dicurahkan terutama sekali majikan saya En. Shadan b. Othman.

Ucapan terima kasih juga yang tidak ternilai buat kedua ibu bapa saya yang banyak memberi nasihat dan bantuan dari segi kewangan dan tidak ketinggalan buat rakan- rakan serta buat semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak.

Sekian, terima kasih.



## **ISI KANDUNGAN**

PERKARA	MUKA SURAT
1.Bahagian A : Latar belakang Syarikat	1-2
a. Seksyen 1: Maklumat Syarikat	3-9
b. Seksyen 2 : Pengurusan Syarikat	10-17
c. Seksyen 3 : Pendaftaran Syarikat	18-21
d. Seksyen 4.: Peralatan dan keperluan kredit	22-23
e. Seksyen 5 : Kerja-kerja pembinaan yang telah dijalankan	24-29
2. Bahagian B : Skop Kerja	30
a. Seksyen 1 : Pengenalan projek	31-34
b. Seksyen 2 : Pengenalan Kepada tajuk (prima board)	35-38
c. Seksyen 3 : ‘Papan Prima’	39-40
i. Bahagian I : ‘Primaplank’	41-55
ii. Bahagian II : ‘Primaliner’	56-65
iii. Bahagian III : ‘Primaflex’	66-76
iv. Bahagian IV : ‘Prima raya’	77-87
v. Bahagian V : ‘Cemboard’	88-105

